



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Kenyataan Media**

**4 November 2016**

## **CAP BIMBANG SUMBER PERIKANAN NEGARA KIAN TERANCAM**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bimbang berikutan sumber perikanan di perairan negara ini kian terancam dan menjejaskan pendapatan nelayan serta membebankan para pengguna. Menurut Ketua Pengarah Perikanan Datuk Ismail Abu Hassan, sumber perikanan di perairan pantai Malaysia kini mengalami kemerosotan dan menurun sehingga 80 peratus berikutan penggunaan pukut tunda yang semakin berleluasa.

Analisis oleh Jabatan Perikanan menunjukkan kepadatan ikan merosot daripada 24 hingga 53 metrik tan bagi setiap kilometer persegi pada 1970 kepada sekitar tiga hingga 14 metrik tan kilometer persegi sekarang ini.

Tinjauan CAP mendapati di samping masalah penggunaan pukut tunda, punca-punca lain yang menyebabkan hidupan laut terancam di perairan negara ini ialah kepupusan hutan paya bakau, kemusnahan batu karang, pelaksanaan projek tambak laut, pencemaran sisa toksik, tangkapan ikan baja, penggunaan pukut apollo, pukut rawa sorong, bom dan racun menyebabkan tempat pembiakan ikan musnah serta diancam kepupusan.

Setakat ini lebih kurang 100 jenis hidupan laut yang menjadi sumber tangkapan utama nelayan telah pupus dan sedang terancam akibat masalah tersebut. Keadaan ini akan menjadi lebih serius apabila kejadian pencerobohan bot pukut tunda asing gagal ditangani dengan berkesan oleh pihak berkuasa berkenaan.

Sebuah bot pukut tunda memerangkap dan membunuh lebih 60% anak ikan (benih) setiap kali beroperasi. Sekarang aktiviti penangkapan anak ikan semakin berleluasa berikutan permintaan yang meningkat oleh pengusaha-pengusaha projek akuakultur.

CAP telah menerima banyak aduan bahawa bot pukut tunda haram dan bot pukut bilis terlibat dengan aktiviti penangkapan anak ikan untuk dijual kepada pengusaha projek akuakultur. Sehubungan itu CAP menggesa kerajaan mengharamkan sepenuhnya penggunaan pukut tunda di negara ini dengan segera. Penangkapan anak ikan atau ikan baja untuk projek akuakultur juga perlu diambil tindakan serupa bagi menghentikan aktiviti tersebut.

CAP kesal walau pun masalah ancaman ke atas sumber perikanan di negara ini sudah lama berlarutan namun hingga sekarang tidak ada tindakan berkesan yang diambil. Akta Perikanan 1985 jelas menunjukkan aktiviti pencerobohan oleh bot pukut tunda dan nelayan asing termasuk penggunaan peralatan tangkapan terlarang gagal ditangani hingga kini.

CAP percaya jika keadaan ini dibiarkan sepuluh tahun lagi perairan Malaysia akan ketandusan sumber dan sektor perikanan negara pasti terugut.

**S.M. MOHAMED IDRIS**

**Presiden**

**Persatuan Pengguna Pulau Pinang**